

GARIS PANDUAN PENERBITAN BOOK CHAPTERS

Pengenalan :

Bab dalam buku ialah bab yang terkandung dalam sebuah buku, yang mana setiap bab mempunyai penulisnya tersendiri.

Kriteria Umum :

- i) Bilangan minimum bab dalam sesebuah buku *book chapters* ialah **10** tetapi digalakkan agar sesebuah buku *book chapters* mengandungi **15-20 bab**.
- ii) Setiap bab hendaklah ditulis **tidak melebihi empat (4) penulis**.
- iii) **Bilangan muka surat** bagi setiap bab hendaklah **sekurang-kurangnya 10 muka surat**.

Peranan Penulis:

- i) Seorang **penulis** hanya dibenarkan menyumbang penulisan **tidak melebihi 30%** daripada bilangan keseluruhan bab (**maksimum 4 bab**).
- ii) Penulis boleh terdiri daripada **penulis luar UTM**, tetapi bilangan bab **tidak melebihi 30%** daripada bilangan keseluruhan bab.

Peranan Editor :

- i) Pembinaan buku *book chapters* diuruskan oleh **editor**. Sekiranya lebih daripada seorang editor (**maksimum empat (4) orang**), salah seorang editor dilantik menjadi editor penyelaras.
- ii) Bertanggungjawab dalam **pelantikan penulis, suntingan, pembacaan prof dan atur huruf**.
- iii) Perlu **memohon kebenaran penulis** untuk menerbitkan artikel mereka sebagai *book chapters*.
- iv) **Setiap editor** boleh menyumbang penulisan *book chapters* yang diuruskannya, tetapi **tidak melebihi 30%** daripada bilangan keseluruhan bab.
- v) **Jumlah keseluruhan bab** yang disumbangkan oleh **semua editor** mestilah **tidak melebihi 50%** daripada bilangan keseluruhan bab.
- vi) Memberi **cadangan penilai** serta mengemukakan **CV penilai** kepada RMC sebelum RMC mengeluarkan surat pelantikan.

- vii) Perlu menghantar borang penilaian berserta manuskrip (hardcopy / softcopy) kepada penilai.
- viii) Perlu menghantar salinan borang penilaian, manuskrip (hardcopy & softcopy) yang telah dinilai dan dibuat pembaikan serta Manuscript Submission Checklist & Editor's Verification kepada RMC.

Peranan Penilai :

- i) Perlu menyemak dan mengulas manuskrip berdasarkan borang penilaian Book Chapter bagi setiap chapter.
- ii) Pensyarah Universiti selain daripada UTM dan sekurang-kurangnya memiliki PhD dalam bidang yang berkaitan.
- iii) Penilai bukan terdiri daripada Editor atau Penulis dalam Book Chapter yang ingin diterbitkan.

Peranan RMC :

- i) Meluluskan permohonan penerbitan book chapters.
- ii) Membuat pelantikan penilai.
- iii) Membuat semakan ke atas pembetulan manuskrip yang dilakukan oleh Editor berdasarkan komen penilai
- iv) Menghantar manuskrip yang telah disemak kepada Penerbit

Peranan Penerbit UTM Press :

- i) Membuat semakan format manuskrip Book Chapter.
- ii) Permohonan No. ISBN dan PDP
- iii) Bertanggungjawab untuk proses percetakan

Template dan Format Penulisan :

Template dan format penulisan Book Chapters boleh dirujuk dalam Buku Gaya & Panduan Penerbitan Book Chapters, terbitan Penerbit UTM.

Borang Permohonan, Penilaian dan Template Penulisan :

Borang permohonan, penilaian dan template penulisan boleh dimuat turun daripada <http://rmc.utm.my/research-activity/12/>